

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(I)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

23. Sila senaraikan bangunan-bangunan terbengkalai (kerajaan dan persendirian) dalam kawasan Machang Bubuk.
- (a) Apakah rancangan kerajaan Pulau Pinang untuk membaik pulihkan bangunan-bangunan tersebut agar dapat memanfaatkan penduduk tempatan?
  - (b) Nyatakan usaha yang telah diambil oleh kerajaan dalam membaik pulih dan aktifkan semula bangunan-bangunan lama tersebut?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

23. Terdapat lima (5) buah bangunan jenis persendirian dan kerajaan yang terbengkalai dalam kawasan Machang Bubuk. Senarai bangunan adalah seperti:
- (i) Skim perumahan di atas Lot 1222, Mukim 15, Machang Bubok bagi jenis pembangunan 28 Unit Rumah Teres 2 tingkat oleh pemaju Tetuan Team Four Sdn. Bhd.
  - (ii) Kompleks penjaja, dewan, dan depo sampah di Taman Bidara yang belum diserahkan oleh pemaju kepada MPSP.
  - (iii) Kompleks Makanan Taman Budiman, Alma

- (iv) Kompleks Makanan Taman Selesa, Alma
  - (v) Pasar Awam, Lorong Machang Bubok 24
- (a) Rancangan untuk membaikpulihkan bangunan-bangunan tersebut agar dapat memanfaatkan penduduk tempatan adalah seperti berikut:
- (i) Menggalakkan pemaju baharu untuk mengambil alih projek terbengkalai.
  - (ii) Membenarkan cadangan mengubahsuai jenis/kategori perniagaan gerai sedia ada kepada jenis perniagaan lain agar mendapat sambutan orang ramai.
  - (iii) Membuat hebahan kekosongan kompleks makanan / pasar awam terbengkalai (tidak aktif) melalui laman Web MPSP dan lain-lain medium untuk diuar-uarkan kepada orang ramai.
  - (iv) MPSP memberikan kadar sewaan serendah RM50/gerai bagi penyewa yang menyewa kompleks tidak aktif ini. Walau bagaimanapun, mereka perlu menjalankan kerja-kerja membaik pulih ruang niaga berkenaan dengan menggunakan peruntukan sendiri.
- (b) Usaha yang telah diambil oleh kerajaan dalam membaik pulih dan aktifkan semula bangunan-bangunan lama tersebut adalah:
- (i) TF Land Sdn Bhd iaitu pemaju yang akan mengambil alih projek terbengkalai Skim perumahan di Lot 1222, Mukim 15, Machang Bubok akan mengemukakan semula Pelan Bangunan kepada pihak MPSP.

- (ii) MPSP telah mengemukakan permohonan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTST) kerana kompleks penjaja, dewan dan depo sampah di Taman Bidara telah dirampas oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTST) daripada pemaju Tetuan Fasda Heights Sdn. Bhd. akibat kegagalan pemaju menyelesaikan bayaran cukai tanah. Proses membaik pulih akan disegerakan setelah kesemua proses tentang pemilikan tanah diselesaikan.
- (iii) Menawarkan pengurusan sewaan kompleks makanan / pasar awam kepada pihak JKKK / Persatuan Penduduk / Rukun Tetangga (RT).